MBSJ
GEMILANG BERSAMA

# PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
## TARIKH: 17 JANUARI 2024 (JUMAAT)

**LAIN-LAIN PBT**

| BIL | AKHBAR | PBT | TAJUK |
|---|---|---|---|
| 7. | BERITA HRIAN | DBKL | • IBU, REMAJA CEDERA KERETA DIHEMPAP POKOK TUMBANG |
| 8. | KOSMO | DBKL | • DBKL SITA BARANG PERNIAGAAN DITINGGAL DI TEMPAT AWAM<br>• DUA CEDERA, KERETA DIHEMPAP POKOK |
| 9. | THE STAR | DBKL | • DBKL SURVEY |
| 10. | THE STAR | MPAJ | • COUNCIL MATTERS |
| 11. | THE STAR | MBJB | • MOBILE COUNTERS |
| 12. | THE STAR | MBSA | • BULK WASTE COLLECTION |
| 13. | THE STAR | DBKL | • ‘SMOOTHER TRAFFIC FLOW WITH ONE-WAY SYSTEM IN KEPONG BARU’ |
| 14. | THE STAR | DBKL | • KL RESIDENTS WANT CITYWIDE TWO HOUR PARKING LIMIT |

**UMUM**

| BIL | AKHBAR | TAJUK |
|---|---|---|
| 15. | THE STAR | • |
| 16. | KOSMO | • LEBIH RAMAI PEGAWAI BANK DITAHAN |
| 17. | HARIAN METRO | • BEKAS PEGAWAI KANAN KUMPULAN MEDIA DI SARAWAK, WANITA DIREMAN DUA HARI |
| 18. | BERITA HARIAN | • BEKAS DATUK BANDAR ANTARA 4 TANGKAPAN TERBAHARU<br>• LEBIH RAMAI PEGAWAI BANK AKAN DI TAHAN |
| 19. | UTUSAN MALAYSIA | • BAYAR PELARASAN PENCEN DALAM MASA 3 BULAN |
| 20. | NEW STRAITS TIMES | • ‘DATUK’ REMANDED FOR FIVE DAYS OVER RM1M BRIBE |
| 21. | THE SUN | • PLEA TO EXPEDITE PENSION ADJUSRMENT ALLOWED |
| 22. | SINAR HARIAN | • BEKAS DATUK BANDAR ANTARA DITAHAN |

By MEGAT SYAHAR
megatsyahar@thestar.com.my

STAR 17/1

# 'Smoother traffic flow with one-way system in Kepong Baru'

KEPONG Baru Morning Market Traders Association wants the stretch of Jalan Bangau from Jalan Mergastua to Lorong Bangau 2 in Kepong Baru, Kuala Lumpur, to be turned into a one-way street permanently for smoother traffic flow.

Currently, the stretch is one-way between 6am and noon on weekends only when the morning market is in operation there and during festive periods to help manage traffic in the area.

The market, which has some 300 traders, attracts a large number of visitors each morning.

Community activist Yee Poh Ping, who is also the association's advisor, urged Kuala Lumpur City Hall to implement the one-way system permanently as it would make it safer for both residents and traders.

"We hope the traffic enforcement department can pay a visit and study the traffic flow here, so that they can come up with a better traffic management plan."

He said the poor traffic flow in the area was also due to vehicles parked haphazardly by the roadside.

To improve traffic flow, he suggested adding larger signboards and road markings near the Jalan Bangau-Lorong Bangau 2 junction to inform motorists of the changes to the traffic flow.

"We request DBKL's assistance in updating the traffic markings, adding clearer road signs and installing larger and more visible signboards," he said.

Yee said Jalan Bangau was a busy area with a popular morning market drawing many visitors from surrounding residential areas each day.

A Jalan Bangau resident, who only wanted to be known as Lee, 60, shared her concerns about motorists parking illegally and blocking the gates of houses there.

"It is difficult because when cars block the way, drivers need extra time to manoeuvre around them," she said.

She noted that there was smoother traffic flow wherever a one-way street system was in place.




A signboard notifying motorists not to enter Jalan Bangau from Lorong Bangau 2 between 6am and noon. — AZLINA ABDULLAH/The Star

STAR
Tarikh: 17 JAN 2025

# KL residents want citywide two-hour parking limit

STAR 17/1

## Stricter enforcement needed to prevent monopolisation of bays

By BAVANI M
bavanim@thestar.com.my

FRUSTRATED with the inconsistent enforcement of parking rules in the capital city, residents are urging Kuala Lumpur City Hall (DBKL) to expand the proposed two-hour parking limit for the downtown area to commercial zones in the outer city as well.

This would include parking bays currently leased to commercial enterprises on a monthly basis.

They argue that parking bays should serve everyone and not only businesses.

"The only exception for long-term reserved bays should be medical clinics, and even then, limited to one bay per clinic," said Save Kuala Lumpur (SKL) chairman Datuk M. Ali.

Ali also criticised the misuse of parking spaces by businesses such as car workshops.

"In areas like Bangsar and Damansara, we urge DBKL to enforce stricter measures," he added.

Brickfields resident Dr Christopher Nicholas echoed Ali's sentiments, saying that the two-hour limit should be implemented in all zones in Kuala Lumpur.

"Don't just implement it in Zone A.

"All commercial areas in Zones B and C must have the two-hour parking limit," he said.

Zone A encompasses the Central Business District (CBD) which include areas such as Bukit Bintang, Pudu, Imbi and Changkat Bukit Bintang while Zones B and C cover outer city areas like Brickfields, Bangsar, Damansara, Jalan Kelang Lama, and Cheras.



Businesses in Bukit Bintang using chairs to reserve public parking spots. — Filepic



Tilak Leslie says temple devotees struggle to find street parking.

Buddhist Maha Vihara (BMV) Temple secretary Tilak Leslie Jayawardena supported the idea of using the parking limit in more zones, especially areas with places of worship.

"Our devotees at the temple in Jalan Berhala, Brickfields struggle to find parking daily because street parking spaces are monopolised by long-term users," he said.

Tong Soon Mansion resident GS Maniam said the residents have long been waiting for the two-hour parking limit rule to be implemented.

He pointed out that since payment for parking in Jalan Berhala has not been enforced, office workers tend to hog parking spaces, depriving others of access.

Maniam said those working at KL Sentral and nearby companies and hotels often occupied street parking spaces from morning until after 5pm.

Recently, *StarMetro* reported on DBKL's proposal to introduce a two-hour parking limit for downtown Kuala Lumpur to ease congestion and prevent hogging of parking spaces.

Mayor Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif said DBKL would amend the by-law that currently allowed vehicles to remain parked in public bays for extended hours in Zone A.

The move aimed to ensure fair access to parking while alleviating the city's traffic woes.

The initiative will require amendments made to the Road Transport (Provision of Parking Places) Federal Territory of Kuala Lumpur Order 2016.

DBKL's street parking bays are managed by its Finance Department and four new parking operators have recently been appointed to oversee parking spaces in the city.

Over the past few years, several local councils in Selangor have implemented the two-hour parking system or hot zone parking in selected busy commercial areas to free up parking spaces, particularly those near banks.

They include the city councils of Subang Jaya, Petaling Jaya, Shah Alam, and Klang, as well as the municipalities of Ampang Jaya and Kajang.

THE STAR
17 JAN 2025

## DBKL SURVEY

STAR 17/1

Kuala Lumpur City Hall is testing articulated buses on four city centre routes to assess their suitability. Each route will be tested for one month. Public feedback on waiting times, comfort and other needs is encouraged through a survey running from now until April 30. The survey is available at https://shorturl.at/TFTuF

## COUNCIL MATTERS

> Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) is organising a 'Trash to Cash' recycling programme on Feb 1, at the JKP Zone 1 office, Jalan E5, Taman Melawati. The programme includes the collection of used cooking oil (RM2 per kg), electronic waste (30sen per kg) and recyclable materials such as aluminium cans, cardboard, paper, plastic and metal. Used clothing will also be collected, but no payments will be made for these items. For details, visit MPAJ social media pages.

> Selayang Municipal Council (MPS) is inviting Taman Templer residents and constituents to attend the customer day and engagement session on Jan 18, 9am to noon at Dewan Seri Kayangan, Gombak Land and District Office, Persiaran Pegawai, Bandar Baru Selayang. It is a chance for residents to raise issues, complaints, suggestions or feedback to MPS.

## MOBILE COUNTERS

> Johor Baru City Council (MBJB) will place mobile counters at selected locations on certain dates throughout January for the public to settle assessment tax as well as check and pay compounds. The counters will operate from 9.30am-1.30pm. There is also an 80% discount on selected compounds in conjunction with MBJB's 31st anniversary. Payment can be made via cash or credit/debit cards. For details, visit MBJB's Facebook page or www.mbjb.gov.my

> Sepang Municipal Council will roll out mobile assessment tax counters at Pasaraya Jommart in Dengkil (Mondays, 5.30pm-8pm) and Dengkil night market (Tuesdays, 5.30pm to 8pm) throughout January and February. For details, call 03-8706 0367.

STAR 17/1

## BULK WASTE COLLECTION

Shah Alam City Council (MBSA) will collect bulk waste for Chinese New Year from Jan 13 to 27. Dustbins will be placed at each location for three to five days or until full. Items allowed include sofa, tables, chairs and mattresses. For the list of locations, visit MBSA Facebook page.

STAR 17/1

THE STAR
17 JAN 2025
Tarikh:

# Plea to expedite pension adjustments allowed

sun 17/1

High Court judge orders the PSD and government to pay arrears to retired civil servants within three months

**KUALA LUMPUR:** The High Court here allowed a pension increase for retirees based on their final salary according to the 2016 Public Service Department (PSD) Circular, effective January 2022.

In allowing a judicial review by retired civil servant Aminah Ahmad, Judge Datuk Amarjeet Singh ordered the PSD and the government to pay the arrears within three months from yesterday.

Federal counsel M. Kogilambigai, representing the respondents, applied orally for a stay of the ruling but was dismissed.

The judge, however, ordered her to file a formal written application for a stay, so the court could fix a date for a hearing.

Aminah, who retired as a civil servant with the Foreign Affairs Ministry, filed the judicial review application on Jan 12 last year in her capacity and on behalf of 56 retired members of the public service.

She was seeking a mandamus order to compel the respondents to expedite the pension adjustments to the qualifying amount following the formula contained in Sections 3 and 6 of the Pensions Adjustment Act 1980 (PAA 1980) before amendments were made under Sections 3 and 7 of the Pensions Adjustment Act (Amendment) 2013 (PAA 2013).

Aminah also sought an order for the respondents to pay the pension arrears within 14 days, in addition to a declaratory order stating that the failure to pay violates the Federal Constitution.

Under the old scheme, the retiree's pension is revised based on the prevailing salary of incumbent civil servants in that grade. However, the 2013 amendment was introduced based on a flat rate of 2% annual increment.

Aminah initially lost her case at the High Court in 2020. She then appealed to the Court of Appeal, which decided in her favour. The government and the PSD director-general obtained leave to appeal in 2022, Bernama reported.

On June 27, 2023, the Federal Court affirmed the Court of Appeal's decision that declared the amended pension null and void, and the five-member bench also dismissed the appeal by the government and PSD director-general to overturn the appellate court's decision.

On Feb 29 last year, the court allowed Aminah to proceed with the judicial review after the Attorney-General's Chambers did not object to the application.

Meanwhile, Amarjeet in his judgment yesterday ruled that the circular had the effect of making salary revisions for government servants, and under the Pensions Adjustment Act 1980, government pensioners are entitled to pensions corresponding to the revision of their salary.

"An order of mandamus is granted compelling the (PSD) director-general to make corresponding adjustments for the purpose of computing the pensions in favour of the entitled pensioners.

"In view of the decision of the Federal Court (that dismissed the government and PSD's appeal) the backdate pension is to be paid beginning January 2022 (the date of the Court of Appeal's decision that allowed Aminah's appeal) until the next salary revision.

"The backdated payment is to be paid to the entitled pensioners within three months from today (Thursday). No order as to costs," said Amarjeet.

Aminah is represented by counsel Datuk Shukor Ahmad, Datuk Baljit Singh Sidhu and Gurpreet Singh.




**HEAVY TASK ...** Kuala Lumpur City Hall workers chopping and removing parts of a tree that crashed onto Jalan Pudu yesterday morning. The incident had caused traffic to be blocked on both sides of the road. – ***BERNAMAPIC***

THE SUN
T. kh: 17 JAN 2025



*The accused is also suspected of falsely claiming to be the main contractor for a five-year food and beverage supply tender to workers at an oil refinery.* PIC FROM MACC

NST 17/1

RM900M TENDER

# 'Datuk' remanded for five days over RM1m bribe

**KUALA LUMPUR:** A company director posing as a Datuk has been remanded for five days over allegations of soliciting and accepting a RM1 million bribe.

The bribe was purportedly received in exchange for subcontracting work related to a RM900 million food and beverage supply service tender for employees.

Magistrate Irza Zulaikha Rohanuddin issued the remand order at the Putrajaya magistrate's court yesterday.

Sources revealed that the suspect, a man in his 50s, was arrested at 8pm on Wednesday when he arrived at the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) headquarters to provide a statement.

Preliminary investigations suggest the offence occurred in August 2023, with the bribe being transferred to an account linked to a company owned by the suspect.

"The individual is also suspected of falsely claiming to be the main contractor for a five-year food and beverage supply tender to workers at an oil refinery — a project that did not exist.

"The suspect also posed as a Datuk and has a prior criminal record for fraud," the source said.

MACC Special Operations Division director Datuk Azmi Kamaruzaman confirmed the arrest and said the case was being investigated under Section 16(a)(A) of the MACC Act 2009.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 17 JAN 2025

# Lebih ramai pegawai bank ditahan

- **SPRM siasat sindiket ambil komisen satu peratus pinjaman**
- **Pegawai bank dalangi pengubahan wang haram**

Kosmo 17/1

Oleh HARRITH HISHAM

**PETALING JAYA** – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menolak kemungkinan akan menahan lebih ramai pegawai bank yang disyaki terlibat dalam kegiatan pengubahan wang haram dengan sebuah organisasi perunding kewangan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki bagaimanapun berkata, fokus siasatan ketika ini tertumpu kepada dalang utama sindiket berkenaan yang telah ditahan reman, semalam.

Katanya, siasatan mendapati sindiket itu membantu memohon pinjaman daripada pelbagai bank tetapi mengambil komisen

> "Kita tidak tolak kemungkinan lebih ramai yang terlibat dalam kegiatan ini. Namun, buat masa ini kita masih teruskan siasatan dan masih terlalu awal untuk buat konklusi."

setelah pinjaman itu diluluskan.

"Sindiket akan ambil sekitar satu peratus daripada nilai pinjaman yang diluluskan dan dibahagikan kepada mereka yang terbabit, termasuk pegawai bank.

"Kita tidak tolak kemungkinan lebih ramai yang terlibat dalam kegiatan ini. Namun, buat masa ini kita masih teruskan siasatan dan masih terlalu awal untuk buat konklusi," katanya ketika dihubungi *Kosmo!*, semalam.

*Kosmo!* sebelum ini melaporkan SPRM menumpaskan kegiatan rasuah dan pengubahan wang haram melibatkan syarikat perunding kewangan dan pegawai bank di beberapa institusi kewangan, kelmarin.

Difahamkan, pembongkaran itu dilakukan di sebanyak 24 lokasi termasuk rumah dan pejabat di sekitar Lembah Klang dengan melibatkan penahanan seramai 12 individu.

Kesemua suspek ditahan dalam Op Sky yang dilaksanakan Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) dengan kerjasama Bank Negara Malaysia dan beberapa institusi kewangan di Lembah Klang.

Semalam, seramai 12 suspek termasuk dua pengarah syarikat perunding kewangan, seorang pengarah yayasan, seorang pengurus dan seorang bekas pengurus jualan institusi perbankan telah ditahan reman di Mahkamah Majistret Putrajaya.

Mereka disyaki terlibat dalam pengubahan wang haram melibatkan bank.




**AZAM tidak menolak kemungkinan lebih ramai pihak akan direman dalam Op Sky itu nanti.**

KOSMO
17 JAN 2026
Tarikh: ........................



ANGGOTA bomba mengalihkan pokok yang tumbang dan menghempap sebuah kereta di Jalan Pudu - Bukit Bintang semalam.

# Dua cedera, kereta dihempap pokok

kosmo 17/1

**KUALA LUMPUR** – Dua individu cedera ringan selepas kereta dinaiki mereka dihempap pokok tumbang sekitar Jalan Pudu - Bukit Bintang, di sini semalam.

Wanita berusia 39 tahun dan remaja berusia 15 tahun yang terperangkap dalam kereta Honda City diselamatkan pasukan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Menurut Komander Operasi, Md Izzat Ahmad berkata, Pusat Gerakan Operasi Kuala Lumpur menerima panggilan kecemasan pada 10.44 pagi dengan 15 anggota daripada Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Jalan Hang Tuah dan bantuan BBP Pudu dikerahkan ke tempat kejadian.

Katanya, pasukan yang berada di lokasi memaklumkan terdapat pokok tumbang dan telah menghalang jalan raya serta menghempap sebuah kereta Honda City.

"Kejadian ini melibatkan dua mangsa iaitu seorang wanita berusia 39 tahun dan seorang remaja perempuan berusia 15 tahun mengalami cedera ringan.

"Mangsa diserahkan kepada pihak ambulan untuk mendapatkan rawatan selanjutnya," katanya dalam kenyataan semalam.

Tambahnya, kerja-kerja pembersihan dan pemotongan dilakukan pasukan bomba bersama pihak Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur.

KOSMO
17 JAN 2025
Tarikh: ........................

# DBKL sita barang perniagaan ditinggal di tempat awam

**PETALING JAYA** – Sebanyak 30 kompaun dikeluarkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam Operasi Anti-Litter di sekitar kawasan komersial di Jalan Berangan, Bukit Bintang di ibu negara kelmarin.

Menurut DBKL, antara kesalahan dikesan adalah meletakkan barang perniagaan di tempat awam tanpa kebenaran, membuang sampah di tempat awam dan longkang serta menghalang longkang dengan sisa dan barang hingga menjejaskan aliran air.

"Sebanyak 10 kompaun dikeluarkan di bawah Seksyen 46(1)(d), Seksyen 47(1)(d) (tujuh kompaun), Seksyen 47(1)(a) (11 kompaun) dan Seksyen 46(1)(b) (dua kompaun) di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974," katanya.



**PENGUAT** kuasa DBKL menyita barangan perniagaan yang ditinggalkan di lokasi awam. – IHSAN DBKL

KOSMO 17/1

KOSMO
17 JAN 2025
Tarikh: ..........................

# Bayar pelarasan pencen dalam masa 3 bulan

UM 17/1

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan diarahkan untuk membayar pencen mengikut formula sebelum pindaan kepada Akta Penyelarasan Pencen 1980 dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh semalam.

Hakim Datuk Amarjeet Singh memutuskan demikian selepas membenarkan permohonan semakan kehakiman oleh pesara kerajaan, Aminah Ahmad berhubung pelarasan pencen di Mahkamah Tinggi di sini.

Pada 12 Januari 2024, Aminah yang merupakan bekas penjawat awam di Kementerian Luar yang mewakili 56 pesara kerajaan memfailkan semakan kehakiman yang antara lain memohon perintah mandamus (mendesak) pihak kerajaan dan beberapa responden lain untuk menyegerakan pelarasan pencen.

Pada prosiding itu, Hakim Datuk Amarjeet Singh membuat keputusan itu selepas mendapati pekeliling perkhidmatan yang dikeluarkan pada 2016 membolehkan penyelarasan pencen dibuat.

Semasa membaca penghakiman, Hakim Amarjeet berkata, berdasarkan Akta Penyelarasan Pencen 1980 (PAA), pesara kerajaan berhak menerima pencen yang selaras dengan semakan gaji tersebut.

Dengan keputusan itu, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) diarahkan untuk membuat pembayaran pencen yang diperlukan dalam tempoh tiga bulan bermula semalam.

Mahkamah turut menolak permohonan Peguam Persekutuan, M. Kogilambigai yang mewakili kerajaan selaku responden untuk menangguhkan pelaksanaan keputusan itu.

Pada 12 Januari 2024, Aminah yang mewakili 56 pesara kerajaan lain memfailkan permohonan dengan menamakan Kerajaan Malaysia dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai responden pertama dan kedua.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 17 JAN 2025

# Bekas datuk bandar antara ditahan

SH 17/1




**Antara suspek yang ditahan bagi membantu siasatan kes pengubahan wang haram libat syarikat penyiaran di Sarawak.**

**KUCHING** - Seorang bekas datuk bandar antara empat individu ditahan untuk siasatan berkaitan kes pengubahan wang haram melibatkan sebuah syarikat penyiaran di Sarawak.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain berkata, tangkapan dijalankan Pasukan Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram (AMLA) Bukit Aman di Kuching, Sarawak menerusi dua operasi berasingan.

Beliau berkata, operasi pertama dijalankan kira-kira jam 7 petang pada Rabu itu melibatkan tangkapan dua wanita tempatan berumur 53 dan 62 tahun.

"Salah seorang tangkapan merupakan pengarah sebuah syarikat dan turut dirampas turut 32 dokumen sebuah syarikat.

"Kedua-dua suspek direman dua hari untuk siasatan lanjut," katanya pada Khamis.

Dalam pada itu, Razarudin berkata, operasi berikutnya dijalankan melibatkan tangkapan dua individu termasuk seorang bekas datuk bandar pada Khamis.

"Suspek berumur 67 tahun itu ditahan bersama seorang lagi individu yang merupakan bekas pengurus besar syarikat penyiaran terbabit.

"Siasatan lanjut dijalankan untuk mengenal pasti kaitan kesemua suspek yang ditahan dengan kes disiasat," katanya.

Sebelum itu, media melaporkan lima individu ditahan menerusi Op Ragada.

Lima individu berusia 26 hingga 62 tahun itu termasuk seorang Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) sebuah syarikat serta dua anaknya ditahan dalam serbuan berasingan di Pulau Pinang dan Sarawak.

SINAR HARIAN
Tarikh: 17 JAN 2025

Op Regada

# Bekas datuk bandar antara 4 tangkapan terbaharu

BH 17/1

## Polis turut rampas 32 dokumen syarikat

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret di Kuching, semalam. (Foto BERNAMA)

**Kuala Lumpur:** Bekas datuk bandar antara empat tangkapan terbaharu oleh pihak polis, semalam berhubung kes pengubahan wang haram membabitkan sebuah syarikat penyiaran di Sarawak.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain, berkata tangkapan itu susulan penahanan lima individu, termasuk seorang ketua pegawai eksekutif (CEO) sebuah syarikat penyiaran di Sarawak, pada Jumaat lalu.

Katanya, empat individu termasuk dua wanita berusia antara 53 hingga 71 tahun itu ditahan oleh Pasukan Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram (AMLA) Bukit Aman di Kuching.

"Tangkapan pertama membabitkan seorang lelaki berusia 53 tahun dan seorang wanita yang juga seorang pengarah sebuah syarikat yang berusia 62 tahun pada jam 7 malam, semalam (kelmarin).

"Kedua-dua individu terbabit kini direman dua hari sehingga esok (hari ini) bagi membantu siasatan.

"Kita turut merampas kira-kira 32 dokumen di sebuah syarikat," katanya ketika dihubungi, semalam.

Katanya, tangkapan terbaharu, semalam membabitkan dua individu, iaitu seorang bekas datuk bandar di Sarawak berusia 67 tahun dan seorang wanita berusia 71 tahun yang juga bekas pengurus besar sebuah syarikat kumpulan media.

"Kedua-dua individu terbabit ditahan hari ini (semalam) dan kita akan memohon reman terhadap mereka.

"Siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenal pasti pembabitan semua suspek dengan kes ini," katanya.

**Suspek turut tipu tender**

Jumaat lalu, media melaporkan lima individu berusia 26 hingga 62 tahun ditahan dalam Op Ragada di Sarawak dan Pulau Pinang, susulan maklumat risikan mendapati terdapat pengaliran wang mencurigakan membabitkan beberapa akaun bank sejak 2017 hingga September, tahun lalu.

Suspek disyaki turut menipu tender selain menganugerahkan tender kepada diri sendiri dan ahli keluarga.

Hasil serbuan dijalankan, pasukan AMLA Bukit Aman turut menyita serta membekukan pelbagai aset membabitkan kenderaan, akaun bank dan dokumen dianggarkan bernilai RM17.4 juta.

Siasatan lanjut sedang dijalankan di bawah Seksyen 409, Seksyen 420 dan Seksyen 403 Kanun Keseksaan, selain Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Kegiatan pengubahan wang haram

BH 17/1

# Lebih ramai pegawai bank akan ditahan

**Kuala Lumpur:** Lebih ramai pegawai bank terbabit kegiatan pengubahan wang haram dengan sebuah organisasi perunding kewangan akan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ketua Pesuruhjayanya, Tan Sri Azam Baki, berkata pihaknya ketika ini sedang menyiasat salah laku membabitkan organisasi itu dan percaya terdapat lebih ramai individu terbabit yang akan ditahan dalam masa terdekat.

Setakat ini, katanya, fokus dalam *Ops Sky* adalah terhadap dalang utama sindiket itu, antara 12 suspek yang direman Mahkamah Majistret Putrajaya, Selasa lalu.

Modus operandi sindiket, membantu peminjam memohon pinjaman daripada pelbagai bank dengan mengambil komisen selepas pinjaman diluluskan.




*Keratan akhbar BH semalam.*

Sindiket akan mengambil sekitar satu peratus daripada nilai pinjaman diluluskan dan dibahagikan sesama mereka, termasuk pegawai bank terbabit.

"Kami percaya masih ramai yang terbabit dalam kegiatan ini dan akan turut menyiasat mereka," katanya kepada *BH*, semalam.

Isnin lalu, 12 individu ditahan di sekitar Lembah Klang, termasuk dua pengarah syarikat perunding kewangan, seorang pengarah yayasan, seorang pengurus dan seorang bekas pengurus jualan institusi perbankan.

Mereka ditahan melalui *Ops Sky* dilancarkan Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) yang menyerbu 24 lokasi membabitkan rumah kediaman dan pejabat.

**Mangsa sindiket**

Kelmarin, *BH* mendedahkan 4,000 penjawat awam menjadi mangsa sindiket didalangi pegawai bank di beberapa institusi kewangan negara.

Difahamkan, ramai menjadi mangsa dan terpedaya selepas sindiket berjaya menyusup masuk ke kementerian dan jabatan awam di seluruh negara.

*BH* turut difahamkan, sindiket menjelajah ke jabatan-jabatan kerajaan dan mendakwa mereka daripada sebuah agensi bantuan kewangan kononnya boleh membantu penjawat awam yang mempunyai pinjaman atau hutang lapuk.

Mereka juga dikatakan menjadikan media sosial sebagai medan utama menarik mangsa yang mahu menyelesaikan masalah kewangan.

Azam berkata, siasatan awal mendapati terdapat pegawai beberapa institusi perbankan menerima rasuah daripada pegawai syarikat perunding kewangan sebagai balasan untuk membantu memproses dan meluluskan pinjaman peribadi pelanggan yang dikenal pasti mempunyai hutang lapuk.


BERITA HARIAN
Tarikh 17 JAN 2025



*Anggota bomba menjalankan kerja pengalihan dan pemotongan pokok yang tumbang di Jalan Pudu-Bukit Bintang, semalam.* (Foto ihsan Bomba)

# Ibu, remaja cedera kereta dihempap pokok tumbang

BH 17/1

**Kuala Lumpur:** Seorang ibu bersama anaknya cedera apabila kereta dinaiki mereka dihempap pokok tumbang berhampiran bangunan pejabat di Jalan Pudu-Bukit Bintang, di sini semalam.

Wanita berusia 39 tahun dan anak perempuan berusia 15 tahun yang terperangkap dalam Honda City, diselamatkan pasukan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Komander Operasi bomba, Md Izzat Ahmad, berkata Pusat Gerakan Operasi JBPM Kuala Lumpur menerima panggilan kejadian pada jam 10.44 pagi.

Beliau berkata, dua jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Hang Tuah serta Pudu dengan 15 anggota dikejarkan ke lokasi bagi membantu mangsa.

"Pasukan bomba yang tiba di lokasi memaklumkan terdapat pokok tumbang menghalang jalan raya dan menghempap sebuah kereta.

"Kejadian membabitkan dua mangsa iaitu seorang wanita dan seorang remaja perempuan mengalami cedera ringan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, kedua-dua mangsa diserahkan kepada pasukan perubatan untuk rawatan lanjut.

Katanya, bomba dibantu pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjalankan kerja pembersihan dan memotong pokok yang menghalang laluan.

BERITA HARIAN
Tarikh 17 JAN 2025

HM 17/1

OP RAGADA

# Bekas pegawai kanan kumpulan media di Sarawak, wanita direman dua hari



BEKAS pegawai kanan kumpulan media di Sarawak direman dua hari oleh Mahkamah Majistret Kuching untuk dibawa ke Kuala Lumpur membantu siasatan kes pengubahan wang haram. - Gambar NSTP/MOHD ROJI KAWI

**Kuching:** Bekas pegawai kanan kumpulan media di Sarawak dan seorang wanita berjawatan pengarah urusan sebuah syarikat pembekal direman dua hari mulai semalam, oleh Mahkamah Majistret, di sini, bagi membantu siasatan kes pengubahan wang haram.

Perintah tahanan reman terhadap lelaki berusia 53 tahun itu dikeluarkan oleh Majistret Mason Jaro Lenya Barayan manakala bagi wanita berumur 62 tahun pula, ia dikeluarkan oleh Majistret Ling Hui Chuan.

Perintah reman itu dikeluarkan bagi membolehkan mereka diterbangkan ke Kuala Lumpur malam ini, bagi membantu siasatan kes pengubahan wang haram menerusi Op Ragada.

Lelaki terbabit diwakili peguam, Roger Chin manakala wanita berkenaan pula diwakili oleh Datuk Shankar Ram Asnani.

Kedua-duanya mereka disiasat mengikut Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613), Seksyen 409 Kanun Keseksaan (KK), Seksyen 420 KK, Seksyen 403 KK dan Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Penahanan kedua-dua individu itu menjadikan jumlah yang ditahan dalam Op Ragada setakat ini kepada tujuh orang.

Sebelum ini, lima individu ditahan dengan dua daripadanya membabitkan lelaki berusia 62 tahun dan wanita berumur 60 tahun ditahan di sini manakala tiga lagi ditahan di Kuala Lumpur.

HARIAN METRO
Tarikh: 17 JAN 2025